

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA
KM 26, JALAN LENDU,
ALOR GAJAH,
MELAKA.**

**RANCANGAN PERNIAGAAN
ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)**

**TAJUK:
DAILY CARE BABY CENTRE
PENJUALAN BARANGAN BAYI**

**DISEDIAKAN UNTUK:
PN. HANAFIAH BT. HASIN
PENSYARAH ASAS KEUSAHAWANAN (ETR 300)
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN MELAKA**

**DISEDIAKAN OLEH:
NORAZLIN BT. BAHAROM
NOR ROHANA BT. RAMLI
NORHAZARINA BT. MUSA
FAIZATUL BT. ISMAIL
SHARIFAH BT. PERMAN**

6 APRIL 1999



INSTITUT TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN MELAKA

MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

4hb. Januari 1999

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771
Telefax: 06-563963

Tarikh:
Surat Tuan:
Surat Kami:

100-CM(AKA 37/B)

06-5591067

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Perakaunan di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Norazlin bt. Baharom	96476832
2.	Sharifah bt. Perman	96254103
3.	Nor Hazarina bt. Musa	96407687
4.	Nor Rohana bt. Ramli	96793847
5.	Faizatul bt. Ismail	96267853

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

AZIZAH DOLAH
Ketua Kursus DIA
ITM Melaka.
b/p Pengetua

SURAT PENYERAHAN

Diploma Perakaunan (5B)
Kajian Perakaunan
ITM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka

1 April 1999

Puan Hanafiah Bt Hasin
Pensyarah ETR 300
ITM Cawangan Melaka
78000 Alor Gajah
Melaka

Puan,

PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN

Kami yang terdiri daripada lima orang pelajar dari kursus Diploma Perakaunan, mengemukakan satu laporan Rancangan Perniagaan yang bertajuk Daily Care Baby Centre sebagai memenuhi syarat bagi pengajian Semester 5 Diploma Perakaunan.

2. Di dalam menjayakan projek ini beberapa pihak telah terlibat secara langsung atau tidak di mana segala kerjasama mereka telah menghasilkan kejayaan bagi projek ini.

3. Kami mengambil peluang ini untuk merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Puan yang telah memberi tunjuk ajar, nasihat serta kritikan yang membina di dalam proses menyiapkan Rancangan Perniagaan ini. Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak yang sudi dan sanggup meluangkan masa memberi maklumat yang kami perlukan.

Sekian, terima kasih. Wassalam.

PENGENALAN

Tajuk Rancangan Perniagaan kami ialah Penjualan Barangan Bayi yang kami beri nama Daily Care Baby Centre. Kami telah bersepakat memilih tajuk ini kerana kami menjangkakan perniagaan ini berpotensi untuk maju kerana di lokasi pilihan kami tiada terdapat perniagaan yang mengkhususkan kepada barangan penjagaan bayi sahaja. Oleh itu, kami telah bersepakat untuk menjalankan perniagaan ini memandangkan kadar kelahiran bayi semakin bertambah dan adanya galakan dari kerajaan untuk mencapai pertambahan penduduk Malaysia seramai 17 juta orang menjelang tahun 2000.

Kami telah memilih First floor, Terminal One Shopping Centre, Seremban sebagai lokasi perniagaan kami kerana keluasannya bersesuaian dengan kehendak kami iaitu seluas 1500 kaki persegi. Setelah menjalankan beberapa tinjauan dan pemerhatian, kami mendapati Seremban adalah sesuai untuk lokasi perniagaan kami kerana ia merupakan pusat bandar dan pusat himpunan segala aktiviti perniagaan, pentadbiran dan ekonomi di Negeri Sembilan. Taraf hidup penduduk Seremban juga sudah meningkat.

Perniagaan ini merupakan perkongsian modal yang disumbangkan sama rata oleh setiap rakan kongsi. Keuntungan dan kerugian akan dibahagi sama rata. Kami berlima telah bersetuju untuk menguruskan sendiri perniagaan ini dengan melakukan kerja-kerja seperti menyusun stok di rak untuk jualan, melayan pelanggan dan menjadi juruwang untuk menjimatkan kos perbelanjaan.

Insyallah ! Kami akan memulakan perniagaan kami ini bermula 1 Januari 2003. Mengikut ramalan ahli ekonomi dijangkakan pada tahun 2003 keadaan ekonomi negara akan pulih seperti sediakala. Amin...

1.2 TUJUAN RANCANGAN PERNIAGAAN DIJALANKAN

Rancangan Perniagaan yang kami sediakan ini adalah sebagai garis panduan untuk menjalankan perniagaan terutamanya dari segi perancangan dan operasi ataupun untuk membuat penilaian tentang daya maju projek yang dijalankan.

Selain itu, ini adalah untuk memenuhi syarat bagi mendapatkan diploma, maklumat tentang jenis perniagaan, matlamat, lokasi, sumber kewangan dan perkara-perkara lain yang berkaitan ada dinyatakan di dalam kertas kerja ini.

Tujuan :

- ☛ Sebagai keperluan akademik di mana matapelajaran ETR 300 yang merupakan matapelajaran wajib bagi setiap pelajar di Institut Teknologi MARA. Ia dapat melatih para pelajar agar dapat menyiapkan diri di dalam bidang perniagaan.
- ☛ Sebagai langkah awal bagi menyediakan dan memulakan perniagaan yang memerlukan perancangan yang teliti dan teratur.
- ☛ Sebagai garis panduan bagi menjalankan perniagaan mengikut perancangan yang teratur dan teliti.
- ☛ Untuk memanfaatkan penggunaan sumber-sumber yang tersedia seperti bahan mentah, kewangan, tenaga buruh dan jentera.
- ☛ Mengkaji dengan lebih mendalam aspek-aspek penting seperti pemasaran dan kos-kos projek yang hendak dijalankan berdasarkan kepada harga dan keadaan pasaran di sesuatu tempat.